

**Umno Mengutuk Filem Dan Kartun Menghina Nabi Muhammad S.A.W.
Bernama
20 September, 2012**

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Umno hari ini mengutuk sekeras-kerasnya penerbitan dan penyiaran filem anti Islam 'Innocence of Muslims' dan kartun mempersendakan Nabi Muhammad SAW di dalam sebuah majalah Perancis Charlie Hebdo yang membangkitkan kemarahan umat Islam di seluruh dunia, termasuk Malaysia.

Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak berkata ianya adalah satu perbuatan yang tidak boleh diterima walaupun atas nama kebebasan bersuara yang merupakan pegangan kuat masyarakat Barat, kerana ia telah mencemar kesucian Islam serta kemuliaan Nabi Muhammad SAW.

Perdana Menteri berkata walau bagaimanapun dalam umat Islam mempertahankan kesucian agama Islam, pendekatan yang berhemah mesti digunakan dalam melahirkan perasaan tidak puas hati dan bantahan terhadap filem dan kartun itu.

"Bantahan umat Islam secara keganasan dan melampau dalam isu ini sehingga membawa kepada kematian, kecederaan dan kemusnahan harta benda tidak sepatutnya berlaku. Ini kerana Islam tidak menggalakkan penggunaan keganasan sebagai cara menyelesaikan masalah," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno, di sini.

Najib berkata sebaliknya, dialog dan kerjasama antara masyarakat untuk memupuk toleransi dan persefahaman perlu dipupuk sepanjang masa sebagaimana yang digerakkan oleh Malaysia menerusi Gerakan Kesederhanaan Global (GMM).

Najib berkata Majlis Tertinggi Umno hari ini telah dimaklumkan bahawa satu demonstrasi secara aman akan diadakan oleh Pergerakan Pemuda Umno di luar Masjid Kampung Baru, esok dan "kita harap akan menunjukkan sikap bantahan kita yang tak dapat kita bendung atas isu tersebut."

Menyentuh mengenai permohonan maaf Pengerusi DAP Perak Datuk Ngeh Koo Ham hari ini serta tindakannya menarik balik kenyataannya di laman twitter yang mempersoalkan tindakan umat Islam membantah filem 'Innocence Of Muslims' yang menghina dan memfitnah Nabi Muhammad SAW dan Islam, Perdana Menteri berkata:

"Kita dalam isu agama ini, kita tidak cakap sesuatu, selepas itu percakapan itu bila kita dapat kesan menimbulkan sesuatu kemarahan yang amat sangat, kita minta maaf, kalau macam tu sennglah.

"Kita pun boleh buat macam itu. Kita boleh lempar kata-kata yang menghina atau memburukkan agama lain, selepas itu kita minta maaf. Kalau macam ini perbuatannya, soalnya sama ada kita benar-benar ikhlas atau tidak".

Dalam laman twitternya, Ngeh mempersoalkan rancangan Ketua Pemuda Umno Khairy Jamaluddin untuk menganjurkan protes terhadap klip video itu, dan merumuskan sama ada umat Islam menghabiskan terlalu banyak masa dan tenaga mengenai isu itu.

Najib dalam pada itu turut menafikan bahawa beliau ada mengeluarkan surat berhubung pelantikan Datuk Prof Madya Dr Mizan Hitam sebagai Timbalan Rektor Hal Ehwal Universiti Islam Antarabangsa (UIA).

Malah menyifatkannya sebagai perbuatan pihak tertentu yang terdesak untuk menggunakan pelbagai cara bagi membangkitkan kemarahan rakyat terhadap beliau dan Umno melalui penyebaran fitnah.

"Melalui sekeping surat, konon dari saya atas nama Presiden Umno yang ditulis kepada Rektor UIA. Surat ini satu fitnah. Saya menafikan sekeras-kerasnya. Malah saya tidak pernah mengeluarkan surat parti kepada mana-mana universiti.

"Anda boleh sahkan (perkara ini) dengan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan pihak universiti," katanya apabila diminta mengulas mengedaran surat yang menggunakan kepala surat Umno dan ditandatangani, yang ditujukan kepada Rektor UIA Prof Dr Zaleha Kamaruddin.

Surat itu adalah bagi menyatakan pelantikan Dr Mizan sebagai Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar UIA menggantikan Prof Dr Nik Ahmad Kamal Nik Mahmood berkuat kuasa serta merta.

Najib juga berkata pihaknya akan membuat laporan polis terhadap perkara tersebut.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=696107>